

Malaysia kekal stabil
Utusan Online
03 April, 2012

KUALA LUMPUR 2 April - Walaupun terdapat penurunan permintaan dari Eropah serta kemerosotan bekalan dari Jepun dan Thailand, Malaysia masih mampu merekod pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.1 peratus tahun lalu didokong oleh permintaan domestik.

Menurut Laporan Tahunan 2011 - Program Transformasi Ekonomi yang dikeluarkan Jabatan Perdana Menteri hari ini, negara dijangka mampu mencatat pertumbuhan purata enam peratus tahun ini dan tahun-tahun seterusnya apabila projek Program Transformasi Ekonomi (ETP) mula memberi impak.

Tahun 2011 merupakan tahun penuh cabaran bagi ekonomi dunia apabila dilanda pelbagai masalah kewangan seperti krisis hutang Zon Eropah dan pemulihan ekonomi yang lemah di Amerika Syarikat (AS).

Keadaan itu bertambah buruk dengan kemusnahan rangkaian bekalan perdagangan dunia apabila Jepun dilanda tsunami pada Mac tahun lalu, diikuti banjir besar yang melanda Thailand di akhir tahun.

Laporan itu menyatakan, dalam tempoh setahun pelaksanaannya, 72 daripada 133 Projek Pemula (EPP) telah pun bermula.

"Kerajaan juga mengumumkan 110 projek setakat ini dan lebih 83 peratus daripadanya sudah beroperasi ataupun memulakan kerja," kata laporan itu.

Laporan itu seterusnya menyatakan, sasaran 10 tahun ETP menyebut, pelaburan sejumlah RM1.4 bilion bakal menjana Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM1.7 bilion dan mencipta peningkatan 3.3 juta peluang pekerjaan pada peringkat terakhir pelaksanaan pada 2020.

"Ini bakal diterjemahkan kepada PNK per kapita sebanyak AS\$15,000 (RM45,000), sekali gus membawa Malaysia kepada status negara berpendapatan tinggi," kata laporan itu.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0403&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_14.htm